

Jenayah juvana

Salah laku kanak-kanak perlu penyelesaian komprehensif

Oleh Jami'ah Shukri
jamia@bharian.com.my

KANAK-KANAK seawal usia tujuh tahun melakukan jenayah bunuh, rogol, rompak, mencederakan orang dan mencuri? Laporan sebegini seakan tidak masuk akal. Namun itulah realiti yang berlaku di Malaysia, bukannya di Hollywood.

Kadar indeks jenayah membabitkan remaja dan kanak-kanak seawal usia tujuh hingga 18 tahun meningkat seperti didekahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sepanjang empat bulan pertama tahun ini.

Jenayah bunuh saja men-

catat 18 kes; rogol (198), rompak berkumpulan bersenjata api (dua); rompak berkumpulan tanpa senjata (185); rompakan (85) dan mendatangkan kecederaan (141), selain 382 kes kecurian.

Dalam persekitaran masyarakat yang semakin kompleks, jenayah di kalangan remaja dan kanak-kanak tidak lagi dianggap mengejutkan dan sewajarnya memerlukan penyelesaian lebih komprehensif supaya tidak menjadi barah dalam masyarakat.

Kanak-kanak dan remaja adalah produk untuk generasi dewasa. Ibu bapa adalah antara yang perlu dipertanggungjawabkan terhadap

pembabitan jenayah itu.

Adakah kanak-kanak menjadi mangsa atas keterlaluan mereka? Pengabaian ibu bapa atau penjaga yang tidak keruan mencari nafkah hidup, kurang ilmu, kemahiran keibubapaan, kepincangan institusi keluarga menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam keruntuhan moral mereka.

Pensyarah Jabatan Pendidikan dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Haslee Sharil Abdullah, berkata dari sudut psikologi, kanak-kanak dan remaja yang tidak menerima perhatian serta

kasih sayang mencukupi akan memanifestasikan ketidakcukupan ini dalam bentuk salah laku untuk menarik perhatian kepadanya.

Jika ibu mengenal pasti dari awal permasalahan anaknya, ia sekurang-kurangnya dapat diuruskan dengan berkesan dan mungkin tidak sampai ke tahap kritikal.

"Sekiranya kanak-kanak dan remaja tidak mendapat maklum balas dan perhatian, mereka mudah terjebak dengan salah laku jenayah ke tahap serius.

"Ibarat berlaku jeritan batin, berilah perhatian kepadaku, aku perlukan kamu. Kes demi kes akan terus berlaku seandainya

jeritan batin mereka tidak diendahkan oleh golongan dewasa khususnya ibu bapanya yang sama ada terleka atau terpaksa mencari sara hidup sampai tidak ada masa untuk 'Berhenti, Melihat dan Pergi,' katanya.

Lebih parah, sekolah pula tidak banyak membantu lebih-lebih dengan populasi pelajar dan saiz kelas yang besar menjadikan tumpuan guru begitu terhad.

Dr Haslee berkata, guru menerima tekanan ke atas peningkatan prestasi akademik pelajar yang menjadi penilaian utama prestasi kerjanya.

Selasa 13 Julai 2010

BH PILIH B17A13 (emel)



MUHD ROJI ABDULLAH | ERITA HANAN

Hukuman terhadap ibu bapa ikut kesesuaian

Oleh Nor Afzan
Mohamad Yusof
afzan@bharian.com.my

MENGENAKAN tindakan undang-undang terhadap ibu bapa yang mana anak mereka melakukan jenayah atau salah laku menimbulkan pro dan kontra. Bagi yang bersetuju, alasan diberikan supaya hukuman berkenaan mampu menyedarkan ibu bapa bahawa mendidik anak-anak adalah tanggungjawab yang besar. Justeru, hukuman patut dikenakan untuk memberikan pengajaran.

Bagi yang kurang bersetuju pula, alasannya diberikan kerana hukuman itu bagaikan menangguk di air keruh. Sudahlah ibu bapa kecewa dengan sikap anak yang bersalah, selepas itu ibu bapa pula yang perlu berhadapan hukuman.

Bentuk hukuman dan bagaimana ia berjalan masih menjadi tanda tanya, yang pasti kebejatan sosial anak-anak muda hari ini perlu ditangani dengan cara paling berhemah, bukan dijalankan sekadar untuk menunjukkan pihak tertentu mengambil berat.

Pengarah Pusat Kokurikulum Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata tidak salah sekiranya kerajaan ingin mengenakan hukuman terhadap ibu bapa si penjenayah, tetapi bentuk hukuman bukan saja perlu jelas, sebaliknya pengertian 'kecuaian' yang dibebankan di bahu ibu bapa perlu diperjelaskan.

"Keciciran anak di rumah kerana kealpaan bapa dan ibu, sekali gus menyebabkan keciciran anak di sekolah. Keciciran di sekolah boleh membawa keciciran dalam masyarakat. Kita perlu melihat situasi sesebuah keluarga secara mendalam sebelum mengambil tindakan kerana setiap keluarga, mempunyai latar belakang yang berbeza."

>> **Ratu 18**

Usah percaya anak 100 peratus

<< Ratu 17

"Segelintir ibu bapa sudah pun memainkan peranan, tetapi keadaan persekitaran hari ini terlalu kuat hingga menyebabkan ibu bapa sendiri menjadi buntu memikirkan masalah dihadapi anak-anak. Bukan pelik apabila kita mendengar ayah dan ibu bermati-mati mengatakan anak-anak mereka baik, pandai dan rajin. Bukan saja di rumah sebaliknya apabila dibawa berjalan atau menziarah ahli keluarga.

"Tetapi selalunya ia hanya-lah 'lakonan' anak-anak di depan orang tua untuk mengambil hati. Sebaliknya di belakang ibu bapa mereka menjadi remaja yang sukar dikawal. Dalam hal ini patut-kah kita menyalahkan ibu bapa apabila suatu hari anak itu ditangkap melakukan kesalahan?", katanya melontar persoalan apabila ditanya berhubung kewajaran ibu bapa dikenakan hukuman — sekiranya anak-anak melakukan jenayah.

Sebaliknya, Dr Mohammad Shatar berkata, hukuman dianggap sesuai dengan ibu bapa yang sudah tahu mengenai perilaku buruk anaknya, tetapi berdiam diri kerana tidak mahu mengambil tindakan kerana sikap buruk anak itu boleh mempengaruhi remaja lain

sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal lagi.

"Kalau pihak sekolah sudah beritahu, dan jiran tetangga pun sudah mengadu, tetapi ibu bapa tetap berkeras mengatakan anaknya baik, dan suatu hari tertangkap, memang mereka patut dikenakan tindakan. Tetapi bentuk hukuman yang saya fikir wajar untuk menyedarkan ibu bapa ini ialah seperti khidmat kemasyarakatan atau kaunseling.

"Itu pun kita perlu melihat kesalahan dilakukan anak mereka, kalau membunuh kerana mempertahankan diri, tentulah berbeza dengan membunuh dengan niat," katanya.

Beliau berkata, seharusnya ibu bapa kembali kepada ajaran Islam berhubung cara didikan anak.

"Anak perlu dididik sesuai dengan zamannya. Kalau zaman dulu kita tahan dengan rotan, tetapi hari ini mungkin tidak sesuai lagi. Pernah dalam satu kes kendalian saya, seorang anak gadis orang alim melarikan diri bersama teman sejenis, sedangkan ayah dan ibunya memberikan didikan agama yang secukupnya. Tetapi apabila ditanya kepada anak gadisnya pula, katanya beliau bosan dikongkong.

"Saya juga pernah bertanya kepada sekumpulan remaja, yang menyatakan



Dr Mohammad Shatar Sabran

kongkong bererti dilarang melakukan perkara yang ingin dilakukan, walaupun perkara yang diingini itu adalah berdosa. Hakikatnya zaman remaja berlaku segala macam pergolakan dalam diri individu. Sebagai ibu bapa kita jangan berputus asa mencuba, dan menangani masalah dihadapi," katanya.

Dr Mohammad Shatar berkata, dalam pada sayang, ibu bapa perlu meletakkan 50 peratus rasa curiga terhadap anak kerana sikap terlalu percaya akan menyebabkan anak tahu 'membaca' fikiran ibu bapa yang mana akhirnya ibu bapa yang mungkin akan terjerat dengan permainan mereka.

"Kira-kira 10 tahun lalu, keluarga bermasalah, keluarga bercerai-berai dikaitkan penyumbang kepada masalah sosial anak-anak, tetapi kajian sosial menunjukkan

faktor luaran seperti pengaruh kawan dan kehebatan teknologi maklumat komunikasi menjadi faktor utama remaja terjebak dengan gejala sosial. Kalau anak-anak kata ingin pergi kelas tambahan, perlu sesekali kita intip ke mana pergerakan anak ini.

"Ini kerana anak remaja kini memang pintar. Dia akan memberikan alasan yang sedap didengari oleh ibu bapa untuk mengaburi perlakuan mereka di luar rumah. Kita boleh intip, betul atau tidak anak kita pergi ke kelas tambahan," katanya.

Dr Mohamad Shatar berkata, tidak pernah ada alasan terlewat untuk ibu bapa dan anak kembali ke pangkal jalan dalam usaha memastikan kesejahteraan hidup sekeluarga.

Mengibaratkan anak sebagai harta bernilai, katanya kesilapan paling besar setiap ibu bapa ialah menyamakan anak, sedangkan setiap individu berbeza, malah ada kajian menunjukkan anak tengah lebih sukar dikawal berbanding anak sulung serta bongsu kerana yang tengah selalunya dipinggirkan.

"Saya ingin berkongsi kisah seorang remaja berusia 20 tahun ditangkap bersekedudukan dengan janda berusia 40 tahun hingga melahirkan seorang

INFO

Panduan membesarakan anak

■ Jangan didik anak sama rata. Ada kajian menunjukkan anak tengah selalunya lebih bermasalah berbanding anak sulung dan bongsu kerana mereka selalu dipinggirkan oleh ibu bapa.

■ Didik anak mengikut zamannya. Jangan didik anak seperti cara kita dididik oleh ibu bapa kita dulu kerana persekitaran serta pengaruh dulu berbeza dengan kini.

■ Sekarang dikatakan zaman ICT, maka ibu bapa perlu turut serta mengikuti apa itu *facebook*, *twitter* dan sebagainya. Boleh biarkan mereka men探ra alam siber, tetapi berilah panduan supaya mereka tidak terlalu larut. Menetapkan had masa umpannya hanya satu jam dalam sehari, amat membantu.

■ Bawalah anak-anak berbin-cang dan dengar luahan mereka

secara harmoni. Elakkan per-gaduhan ketika berbincang dan jangan gunakan kata-kata kesat sebab perkataan yang keluar daripada mulut adalah suatu doa. Sekiranya ibu bapa tidak bersetuju dengan saranan anak, berikan penjelasan yang jelas.

■ Tidak salah mempunyai pem-bantu rumah atau tidak mema-sak sendiri di rumah, sebaliknya menyajikan anak dengan makanan dibeli atau dimasak orang gaji, tetapi pastikan masa makan diperuntukkan bersama-sama dengan anak.

■ Kajian menunjukkan ahli keluarga yang dihantar ke muka pintu sebelum keluar rumah dengan memberikan kata-kata perangsang seperti 'belajar rajin-rajin di sekolah' dan 'berhati-hati dalam perjalanan dan di tempat kerja', dapat meningkatkan 70 peratus daripada produktiviti.

■ Jangan berhenti berdoa untuk kesejahteraan anak-anak serta ahli keluarga.

anak luar nikah. Ketika ditan-nya dalam sesi kaunseling, pemuda itu menyatakan beliau berbuat demikian semata-mata untuk menyedarkan ibunya bahawa dirinya itu wujud.

"Lelaki berkenaan ber-kata, beliau berasa terasing apabila pada usia 12 tahun, ibunya sedang makan bersama seorang menantu lelaki, tetapi tidak mempelawanya tidak terpesong dan rasa ter-pinggir," katanya.

terlupa atau tidak perasan kerana remaja itu baru saja pulang dari sekolah. Tetapi kita lihat bagaimana den-dam itu berpanjangan dan kadangkala tidak masuk akal, tetapi berlaku dalam diri kanak-kanak. Sebab itu saya katakan, remaja adalah zaman rumit, mereka perlu didekati dan didengari isi hatinya supaya hidupnya tidak terpesong dan rasa ter-pinggir," katanya.